

## Praktis Tatabahasa

A. Lengkapi ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Penjenayah itu berjaya diberkas \_\_\_\_\_ pihak polis semalam.  
A oleh  
B dari  
C untuk  
D kepada
- 2 "Kamu mestilah berhati-hati \_\_\_\_\_ melintas jalan raya,"  
pesan ibu.  
A bila  
B ketika  
C masa  
D walaupun
- 3 Sebaik sahaja \_\_\_\_\_ pengajian di Universiti Malaya, Mazlan  
memohon jawatan kosong di sebuah jabatan kerajaan.  
A menyudahi  
B menghabisi  
C menamatkan  
D melangsai
- 4 Jilid \_\_\_\_\_ Suzana akan menyertai Kem Bina Jati Diri  
pada minggu hadapan.  
A tetapi  
B kerana  
C atau  
D dan

B. Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan tandakan (X) bagi ayat yang salah.

|   |                                                                                                          |  |
|---|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 1 | Khairudin akan menyertai larian Hari Kebangsaan pada minggu hadapan.                                     |  |
| 2 | Sahsiah yang baik haruslah dipamerkan oleh kita pada setiap masa.                                        |  |
| 3 | Oleh sebab pernah mengalami kemalangan jalan raya, Pak Jais sentiasa beringat bila menunggang motosikal. |  |
| 4 | Sulaiman diamanahkan oleh majikannya supaya mengawal para pekerja semasa ketiadaannya di pejabat.        |  |
| 5 | Kerjasama dari pihak guru dan ibu bapa amat diperlukan untuk menangani gejala buli di sekolah.           |  |



### Revisi Pantas

### Kata Sendi Nama

- Kata sandi nama ialah ia bertugas untuk menyambung frasa nama dengan frasa atau dengan kata nama sesuatu ayat.
- Contoh kata sandi nama: *dari, daripada, kepada, tentang*

### Kata Hubung

- Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih sehingga menjadi majmuk.
- Contoh kata hubung adalah *dan, lalu, lantas* dan sebagainya.
- Contoh kata hubung lain adalah *yang, bahawa, walaupun, apabila*, dan sebagainya.

## Kata Kerja

- Objek dalam kata kerja diletakkan selepas kata kerja.
- Frasa kerja pasif diri pertama dan kedua tidak boleh digunakan untuk kata imbuhan pasif. Kata ganti nama diri pertama dan kedua diletakkan di hadapan kata kerja.